

>>Oleh Suliati Asri

suliati@hmetro.com.my

PEMANDANGAN mempesona di ladang lembu New Zealand memang terkenal di seluruh dunia apatah lagi negara itu pengeluar susu segar terbesar di dunia.


Malah, populariti ladang itu menggamit kehadiran pelancong dari seluruh dunia jika berkunjung ke New Zealand.

Hakikatnya, Malaysia turut memiliki kawasan seumpama itu, cuma kurang publisiti menyebabkan ia tidak terkenal dan jarang dikunjungi pelancong.

Terletak di atas kaki Gunung Kinabalu dan di kawasan tanah tinggi Masilau, Desa Dairy Farm, Kundasang, Ranau, Sabah ialah kawasan rumput ragut hijau terbesar dengan udara segar dan pemandangan mempesona.

Bagi pertama kali berada di ladang itu, seolah-olah berada di luar negara kerana persekitaran dan udara yang sejuk serta nyaman selain kabus yang sentiasa menyelubungi kawasan itu.

"Wow, hebatnya..." itu yang mampu penulis ucapkan apabila menjejak kaki ke ladang itu, baru-baru ini.



BANYAK...lembu jenis Friesians pengeluar susu tertinggi

Di gelar 'New Zealand Malaysia', ladang ternakan lembu ini adalah salah satu destinasi pelancongan yang harus dilawati jika berkunjung ke Negeri di Bawah Bayu itu.

Terletak hanya 10 minit memandu dari pekan Kundasang melalui jalan kecil berturap, kunjungan ke sini pastinya tidak sia-sia dan yang pasti meninggalkan 1,001 kenangan terindah.

Ladang ini dibuka pada tahun 1981 dengan keluasan 199 hektar. Dengan kawasan padang ragut yang luas dan jauh dari kesibukan kota, ia sesuai untuk pembiakan lembu.

Desa Dairy Farm yang diuruskan oleh Desa Dairy

Project, TENUSU DESA, Desa Cattle (S) Sdn Bhd ini menasarkan pengeluaran 900,000 liter susu setahun.

Lembu di sini adalah dari jenis Friesians. Lembu jenis ini menghasilkan susu tertinggi dan popular di seluruh dunia.

Seekor lembu mampu menghasilkan 14 liter susu sehari.

Jika cuaca baik, anda boleh melihat pemandangan puncak Gunung Kinabalu.

Namun, untuk melihat puncak Gunung Kinabalu lebih jelas dan cantik tanpa dilindungi kabus, sebaiknya di antara jam jam 7 pagi hingga 8 pagi.

Selain melihat pemandangan

indah persis di New Zealand, pengunjung dibenarkan masuk untuk melihat proses pemerahan susu dengan bantuan teknologi terkini.

Ketika susu diperah, lembu ini bagaikan sudah biasa dengan proses yang dilalui kerana haiwan itu melakukan aktiviti sendiri sehingga proses pemerahan susu selesai.

Pengunjung juga boleh membeli susu segar dalam pelbagai perisa asal dan coklat. Harganya murah dan berbaloi.

Untuk masuk, pelawat dikenakan bayaran RM3 untuk dewasa dan RM2 untuk kanak-kanak.

Ia dibuka dari jam 8 pagi hingga 5 petang. Pemprosesan



TENANG...laman yang dibina memberikan ketenangan kepada pengunjung.



SELAMAT DATANG...Kundasang War Memorial mempunyai cerita tersendiri.

Metro 13/9/12 MS 4/3

A scenic view of a green, hilly landscape. In the foreground, a cow with black and white patches is grazing in a lush green field. The background shows rolling hills with scattered trees and a clear sky. The overall atmosphere is peaceful and natural.

Pesona ladang ragut

Anda berpeluang merasai sendiri susu segar dari
ladang sambil menikmati pemandangan indah

INDAH... pemandangan
indah menanti
pengunjung.



susu dilakukan setiap hari Selasa, Khamis dan Ahad pada jam 10 pagi hingga 2 petang.

Puas melihat pemandangan indah dan merasa sendiri keenakan susu segar dari ladang, berkunjung pula ke Kundasang War Memorial.

Tugu Peringatan Perang atau Kundasang War Memorial simbol sejarah lampau yang punya ceritera tersendiri.

Ia dibina dengan taman bunga yang cukup indah, peninggalan zaman Perang Dunia Kedua yang meninggalkan 1001 kenangan.

Tugu ini diwujudkan bagi mengenang jasa tentera

Australia dan British yang terkorban ketika dalam perjalanan dari Sandakan ke Ranau dalam Perang Dunia Kedua.

Dari tugu peringatan itu, anda pastinya teruja saat melihat pemandangan menarik bumi Kundasang yang terkenal dengan keindahan alamnya.

Kehijauan tanaman sayur-sayuran tanah tinggi di kaki gunung itu sungguh mempesona.

Sebelum pulang ke Kota Kinabalu, jangan lupa singgah membeli pelbagai jenis sayuran segar di tanah tinggi yang dijual masyarakat tempatan.

Ada juga menjual pokok kaktus dan ros serta pelbagai barangan kraf untuk ole-ole.

>Info

- > Desa Daily Farm dibuka pada tahun 1981 dengan keluasan 199 hektar
- > Pengeluaran sebanyak 900,000 liter susu disasarkan mensasarkan Desa Cattle (S) Sdn Bhd setahun
- > Dibuka dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang
- > Bayaran RM3 (dewasa) dan RM2 (kanak-kanak)



NYAMAN...
kawasan rumput
ragut yang luas.

